

# 13 MUKA BARU DI NEGERI SEMBILAN

## ● DARI MUKA 1

Manakala Datuk Mokhtar Hashim di Parlimen Tampin, Datuk K. Pathmanaban Teluk Kemang dan Datuk Lee Boon Peng untuk Mantin.

Antara wakil-wakil rakyat yang dikekalkan ialah Datuk Yazid Baba (Terentang), Datuk Mohd Taha Talib (Gemeneh), Encik Salleh Hashim (Gemas), Encik Yee Kok Chin (Rompin), Encik Mustapha Hassan (Pasir Panjang), Encik Isa Samad (Linggi), Encik Yap Ah Peng (Jimah), Encik Ali Manat (Ulu Muar), Encik Ahmad Kassim (Seri Menanti), Puan Hajah Khatimah (Pantai) dan Encik Shahraddan Haji Hashim (Labu).

Antara mereka yang bersara ialah Encik Hamzah Yatim, Encik Harun Jaafar, Datuk Thong Hiang Kim, Sheikh Mohd Hamid bin Mohd Said, Tunku Kelsom binti Tunku Muda Chik, Encik Siow Song Sang, Encik Dahalan Aman, Encik A. Ponniah dan Datuk Lim Kim Kee.

Menurut Datuk Rais, mereka yang dipilih kali ini terdiri dari kalangan profesional yang telah dikenali ramai.

Belliau juga menduga, Barisan Nasional dapat menawan sekurang-kurangnya sebuah kerusi Parlimen dan sebuah kerusi Dewan Undangan Negeri dari tangan DAP.

Sementara itu, DAP akan mengumumkan senarai calon-calon esok dan akan bertanding di semua 6 kerusi Parlimen dan 21 Dewan Undangan Negeri.

Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin memberitahu hari ini, calon-calonnya akan bertanding di kawasan yang dipastikan menang.

Beberapa orang calon bebas juga dijangka akan bertanding terutama di kerusi Parlimen Jelebu dan Kuala Pilah.

# DR. M. PILIHAN TUKU AMAD

## Pengarah P-roya BN semua negeri sudah diberitahu

**KUALA LUMPUR,** Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, keputusan mengenai pemilihan calon-calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum 22 April ini adalah muktamad.

Perdana Menteri merangkap Pengerusi BN menegaskan beliau telahpun memberitahu pengarah-pengarah pilihanraya BN peringkat negeri mengenai calon-calon yang dipilih atau digugurkan dari senarai calon.

"Terputuslah kepada mereka (Pengarah Pilihanraya BN Negeri) untuk memberitahu calon-calon berkenaan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasarnya di Seminar Kebangsaan mengenai pengeluaran di sini.

Pada hari penamaan calon Rabu ini, seramai 74 calon Parlimen BN adalah dari UMNO, 28 MCA, tujuh GERAKAN, empat MIC, 11 BER-

JAYA, lima USNO, tujuh SUPP, sembilan SNAP, lapan PBB dan satu BERJASA.

Bagi kerusi-kerusi Dewan Negeri pula, UMNO diperuntukkan 206 kerusi, MCA 82, GERAKAN 18, BERJASA 14, MIC 10 dan PPP dua.

Sementara itu, seramai 48 muka baru dari Barisan Nasional akan bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di lima negeri dalam pilihanraya umum nanti.

Senarai calon yang dipilih diumumkan hari ini.

Dari jumlah tersebut, Negeri Sembilan mengemukakan 10 muka baru untuk kerusi Dewan Undangan Negeri, Perak 12 orang (tujuh Negeri dan lima Parlimen), Perlis lapan orang (enam Negeri dan dua Parlimen), Pulau Pinang tujuh (enam Negeri dan satu Parlimen), manakala Kedah lapan (kesemua untuk kerusi Negeri).

Selangor semalam mengemukakan 15 muka

baru untuk bertanding kerusi Negeri, hanya enam muka lama dikedalkkan.

Sementara muka-muka baru dan senarai penuh calon BN bagi Pahang, Johor, Kelantan, Trengganu dan Melaka akan diumumkan esok.

Di **KUALA TRENGGANU**, Parti-parti politik akan mengumumkan senarai calon masing-masing yang akan bertanding dalam pilihanraya umum ini secara serentak esok.

Parti-parti BN, PAS dan Partai Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) masing-masing begitu berhati-hati dan cogan menyatakan barisan calon mereka selingsaat-saat terakhir.

Mereka lebih suka menutup mulut dengan harapan pihak lawan akan tertanya-tanya siapa yang akan bertanding.

Bagaimanapun, parti-parti itu akan mengumumkan keputusan mereka mengenai perkara ini

esok.

PAS dan PSRM juga akan mengumumkan nama-nama calon mereka jam 10 pagi esok di tempat berasingan.

Di **NEGERI SEMBILAN**: Tiga belas muka baru muncul sebagai calon Barisan Nasional Negeri Sembilan bila senarai calon-calon diumumkan oleh Menteri Besar, Datuk Rais Yatim hari ini.

Dari jumlah itu, tujuh dari UMNO, lima MCA, seorang MIC dan seorang Gerakan. Tiga orang tokoh politik tempatan dari Barisan Nasional juga disenarai untuk merebut tiga kerusi pembangkang yang dikuasai oleh DAP sekarang.

Bagaimanapun, Datuk Rais Yatim memberitahu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri akan mengumumkan calon-calon kawasan Parlimen Seremban untuk menentang Pengerusi Kebangsaan DAP Dr. Chen Man Hin yang memenangi kerusi itu sejak tahun 1969.

Muka-muka baru dari Barisan Nasional untuk kawasan Negeri ialah: Dr. Ramli Ujang (Pilih), Encik Isbak Yusof (Johor), Encik M. Mubulappan (Sriau), Encik Ismail Yaasin (Kota), Encik Wong See Hea (Kuala Kelawang), Encik Chew Hock Thye (Bahau), Haji Khalid Yunus (Jempol), Encik Kadir Kassim (Pertang).

Dr. Gan Kong Seng (Lenggong), Encik Ismail Kamat (Rantau), Encik Chan Choong Tak (Gerakan-Bahang), Encik Chia Yee Kul (Rasah) dan Encik Oh Her Sang (Sungai Ujung).

Datuk Rais Yatim berpindah dari kawasan Negeri Pertang ke kawasan Parlimen Jelabu menggantikan Tan Sri Abdul Samad Idris manakala kawasan Parlimen Kuala Pilah diberikan kepada Puan Napsiah Omar menggantikan Datuk Mansor Ohman.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia